



**UCAPAN OLEH
YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS,
TIMBALAN MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM
SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM**

**SEMPENA
MBOT TOWNHALL DAN MAJLIS MENANDATANGAN
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MBOT DAN PANEL PAKAR
TEKNOLOGI DI DEWAN ZA'BA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA, PUTRAJAYA
24 SEPTEMBER 2018 (ISNIN)**

Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Mahfuz Omar
Timbalan Menteri
Kementerian Sumber Manusia

Yang Berbahagia Datuk Kua Abun
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pengkomersialan)
MESTECC

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Academician (Dr.) Ts. Ahmad Zaidee
bin Laidin, FASc.**
Presiden
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

Yang Berusaha Ts. Nidzam Kamarulzaman
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Anggota-anggota Lembaga, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT),

Naib-naib Canselor Universiti Awam dan Swasta,

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian,

Dif-Dif Kehormat, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan- tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan bahawa saya amat berbesar hati dan amat menghargai kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke ***MBOT Townhall dan Majlis Menandatangani MOU antara MBOT dan Panel Pakar Teknologi 2018***. Bagi pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC), saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan dan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam memeriahkan program ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan, Bahagian serta Agensi berkaitan di atas sokongan padu dan kerjasama yang diberikan kepada MESTECC dan MBOT bagi menjayakan usaha dalam menaikkan taraf dan mengiktiraf profesion Teknologis dan Juruteknik.

Hadirin sekalian,

PENGIKTIRAFAN PROFESION TEKNOLOGIS DAN JURUTEKNIK

3. Umum mengetahui bahawa pengiktirafan profesional bagi sesebuah profesion itu merupakan suatu keperluan bagi memastikan pengamal profesion terlibat menepati piawaian yang diperlukan dari segi pengetahuan, etika dan kebertanggungjawaban terhadap apa jua perkara yang dilakukan dalam ruang lingkup profesion tersebut.

4. MBOT secara khusus telah ditubuhkan melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 bagi tujuan mengiktiraf dan mengawalselia profesion Teknologis dan Juruteknik serta menaiktaraf profesion tersebut sebagai profesion ikhtisas.

5. Keperluan mengiktiraf dan menaik taraf status profesion sebagai Teknologis dan Juruteknik ini perlu dilihat secara holistik kerana kepakaran dan kemahiran bagi kedua-dua profesion ini **tidak terhad hanya di dalam bidang teknologi yang dipelajari akan tetapi, mampu untuk *cross-fertilize* ke dalam bidang teknologi lain** yang berkaitan.

6. Kemampuan untuk *cross-fertilize* dan menggunakan kepakaran dan kemahiran di dalam bidang teknologi yang berbeza ini membuktikan bahawa profesion sebagai Teknologis dan Juruteknik adalah **profesion yang dinamik** dan menjadi intipati utama untuk terus **kekalkan relevansi** pada masa akan datang selaras dengan **dinamika perkembangan teknologi**.

Hadirin sekalian,

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

7. Dunia perindustrian kini sedang berada di dalam Revolusi Industri ke-4 atau lebih dikenali sebagai *IR 4.0* yang menggunakan pelbagai *convergence of technology* dalam sesuatu sistem perindustrian. Teknologi yang digunakan dalam *IR 4.0* ini adalah kompleks dan memerlukan kepakaran *multi-disciplinary* yang dinamik dan fleksibel. Dalam situasi ini, profesion berasaskan Teknologi adalah sangat relevan dan perlu diberi perhatian yang lebih untuk memastikan Negara terus berdaya saing dan bersedia untuk menerima atau *embrace IR 4.0* di peringkat global.

8. Dalam mendokongi aspirasi negara untuk menempuh *IR 4.0* ini, MBOT dilihat sebagai **badan profesional yang berada di platform paling relevan kerana mampu untuk memanfaatkan kepakaran dan kemahiran daripada pelbagai bidang teknologi** yang berada di bawah pengawalseliaan MBOT. Kelebihan ini mampu untuk memberi nilai tambah kepada pelbagai sektor industri yang sedang berkembang pesat di Malaysia.

9. **Gandingan MBOT dan Panel Pakar Teknologi MBOT (*Technology Expert Panel – TEP*)** yang terdiri daripada **agensi-agensi kerajaan berkaitan, pemain industri dan golongan akademik**, dilihat mampu untuk menyediakan Teknologis dan Juruteknik negara **supaya bersifat lebih *receptive, adaptive, innovative dan pro-active* kepada perkembangan dinamik pelbagai industri yang berkaitan.**

10. Majlis Menandatangani MOU antara MBOT dan TEP pada hari ini merupakan langkah progresif dan efektif yang mampu untuk merealisasikan usaha tersebut. **Saya menyokong penuh usaha ini dan amat berharap agar MBOT dan TEP mampu menyediakan Teknologis dan Juruteknik kompeten dan berkemahiran yang diperlukan oleh Negara kelak.** Tahniah diucapkan kepada MBOT dan TEP terlibat.

TVET MALAYSIA

11. Kewujudan MBOT sebagai badan profesional yang mengiktiraf dan mengawal selia Teknologis dan Juruteknik di pelbagai bidang teknologi merupakan ***end-game*** bagi pembangunan profesion graduan TVET dan Kemahiran di dalam industri dan sektor awam.

12. Justeru amatlah wajar **kolaborasi profesional antara MBOT, Pemberi Pendidikan Tinggi dan Kementerian atau Jabatan berkaitan dalam konteks pendidikan tinggi dan kemahiran bermula seawal pembangunan modul dan kurikulum** dan seterusnya dilanjutkan untuk proses pembangunan kerjaya profesional.

13. Usahasama kolektif yang dijalankan antara MBOT dengan rangkaian universiti-universiti *Malaysia Technical University Network (MTUN)*, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) merupakan suatu langkah yang amat perlu bagi memastikan artikulasi yang jelas bagi graduan kemahiran dan TVET.

14. Melalui usaha ini, **program-program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Politeknik dan Ijazah Pertama dalam bidang teknologi yang diiktiraf akan diakredit oleh MBOT dan dinaiktaraf kepada program profesional**, sekaligus menyeragamkan struktur program-program ini dan bakal membantu graduan kemahiran dan TVET untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di **MTUN (UTHM, UTeM, UMP dan UniMAP)**.

15. Usaha progresif ini akan memainkan peranan dalam merungkai isu laluan graduan kemahiran dan TVET ke Institusi Pendidikan Tinggi. **Saya berbangga dan menyokong penuh usaha ini serta berharap agar ia akan menjadi contoh kerjasama antara Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang dinamik dan fleksibel untuk kepentingan Rakyat Malaysia dan Negara.**

Hadirin sekalian,

16. Segala usaha dan inisiatif yang saya sebutkan tidak akan berlaku tanpa kerjasama yang erat serta komitmen daripada pelbagai pihak, terutama sekali **Kementerian, Agensi-agensi Kerajaan, pemain industri dan golongan akademik**. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas segala kerjasama dan komitmen yang telah diberikan demi kebaikan bersama.

17. Kerjasama sebegini amat penting bagi membantu MBOT yang merupakan **natural home** bagi Teknologis dan Juruteknik dalam membangunkan profesion Teknologis dan Juruteknik di Malaysia, selaras dengan semangat penubuhan Akta 768 dan MBOT secara khususnya.

18. Saya juga amat berharap agar MBOT, TEP dan pemegang taruh berkaitan dapat memainkan peranan yang signifikan di dalam membangunkan kedua-dua profesion ini untuk mengangkatnya ke tahap yang lebih tinggi.

19. Akhir kata, marilah kita bersama-sama berdoa semoga segala usahasama strategik dan inisiatif yang akan dijalankan ini bakal melakar satu sejarah dalam pembangunan modal insan Negara.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.